KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 16 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **TASKA PERLU BERDAFTAR, ELAK TINDAKAN UNDANG-UNDANG** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71182-taska-perlu-berdaftar-elak-tindakan-undang-undang | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **LELAKI JUGA JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL - TIMBALAN MENTERI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-juga-jadi-mangsa-gangguan-seksual-timbalan-menteri-441945 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629500/berita/nasional/lelaki-juga-jadi-mangsa-gangguan-seksual---aiman-athirah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/210746/malaysia/national/sexual-harassment-knows-no-gender-235-male-victims-in-latest-statistics | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **INFANT'S DEATH: NURSERY UNREGISTERED, JKM TO SEAL PREMISES** | |
| | https://www.thesundaily.my/local/infant-s-death-nursery-unregistered-jkm-to-seal-premises-LE11628993 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/15/infants-death-nursery-in-kota-damansara-unregistered-social-welfare-dept-to-seal-premises-says-deputy-minister/96469 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/10/15/unregistered-nursery-where-infant-died-will-be-sealed-off/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2235310 | BERNAMA.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/466987 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BAYI DUA BULAN MAUT DI TASKA, JKM SITA PREMIS - NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-dua-bulan-maut-di-taska-jkm-sita-premis-nancy-shukri-441905 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020358/bayi-dua-bulan-maut-taska-tidak-berdaftar-jkm-sita-premis | HMETRO.COM.MY |
| | https://bernama.com/bm/news.php?id=2235211 | BERNAMA.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Pdo_IcuUzHY | YOUTUBE |
| | https://selangorkini.my/2023/10/bayi-dua-bulan-maut-jkm-sita-premis-taska-tidak-berdaftar/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629450/berita/semasa/bayi-dua-bulan-maut-di-taska-jkm-sita-premis---nancy-shukri | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-bayi-dua-bulan-maut-taska-diarah-tutup-nancy-shukri-x8ou2fr | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-maut-jkm-sita-taska/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1165413/bayi-dua-bulan-maut-taska-tak-berdaftar-jkm-sita-premis | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1020330/baru-dua-hari-aulia-dijaga-di-taska-itu-dia-sudah-tiada | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=iskSvcgZKHM | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=fuCQDuaUoKk | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TENGKU PERMAISURI SELANGOR SERTAI LARIAN SEMPENA HARI TANPA KENDERAAN MPK** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/tengku-permaisuri-selangor-sertai-larian-sempena-hari-tanpa-kenderaan-mpk/ | SELANGORKINI.MY |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KANAK-KANAK MAUT DISYAKI DIDERA, TIGA DITAHAN BANTU SIASATAN** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/682860 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://tvstv.my/2023/10/15/kanak-kanak-maut-disyaki-didera-tiga-ditahan-bantu-siasatan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kanak-kanak-maut-disyaki-didera-tiga-ditahan-bantu-siasatan | TVSTV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=DU0vKJFD05o | YOUTUBE |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/15/kanak-kanak-maut-disyaki-didera-tiga-ditahan-bantu-siasatan | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/15/kanak-kanak-maut-disyaki-didera-tiga-ditahan-bantu-siasatan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kanakkanak-2-tahun-maut-dipercayai-didera-jiran-x8ou0d2 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/suami-isteri-anak-lelaki-direman-7-hari-kes-kanak-kanak-maut-disyaki-didera/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **GURU WANITA BERDEPAN DETIK CEMAS, KERETA DIPANDU TERBAKAR** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165306/guru-wanita-berdepan-detik-cemas-kereta-dipandu-terbakar | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=lJ-pNxhysl8 | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020286/guru-wanita-berdepan-detik-cemas-mpv-dipandu-terbakar | HMETRO.COM.MY |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KES JUMPA BAYI, TUKANG GUNTING RAMBUT DIREMAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020261/kes-jumpa-bayi-tukang-gunting-rambut-direman | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165256/lelaki-reman-4-hari-bantu-siasatan-penemuan-bayi-perempuan-tepi-jalan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tukang-gunting-direman-bantu-siasatan-kes-buang-bayi-441892 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/15/tinggalkan-bayi-di-ladang-getah-lelaki-direman-empat-hari/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=D3yqsZpuuZE | YOUTUBE |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629438/berita/semasa/tukang-gunting-direman-bantu-siasatan-kes-buang-bayi | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/tukang-gunting-rambut-direman-kes-buang-bayi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/10/15/tukang-gunting-rambut-direman-susulan-bayi-ditemukan-dalam-bakul-pakaian/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **LEBIH 100 WANITA DIDIAGNOSIS KANSER PAYUDARA DI HTAR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lebih-100-wanita-didiagnosis-kanser-payudara-di-htar/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **KANAK-KANAK LAPAN TAHUN HEBAT TEBAR ROTI CANAI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/15/kanak-kanak-lapan-tahun-hebat-tebar-roti-canai/ | KOSMO.COM.MY |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **WARGA EMAS HILANG DITEMUI MATI LEMAS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/15/warga-emas-hilang-ditemui-mati-lemas/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-hilang-ditemukan-lemas/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/15/warga-emas-ditemukan-lemas-di-sungai-ketil/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629507/berita/semasa/warga-emas-dilaporkan-hilang-ditemui-lemas-dalam-sungai | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020381/lelaki-warga-emas-hilang-ditemukan-lemas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hilang-ditemui-lemas-di-sungai-dekat-rumah-441947 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235269 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/warga-emas-ditemukan-lemas-di-sungai-ketil-ME11628455 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS TERTEKAN PEDAL MINYAK, REMPUH KEDAI NOMBOR EKOR** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-tertekan-pedal-minyak-rempuh-kedai-nombor-ekor/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/15/warga-emas-maut-kereta-dinaiki-terbabas-jatuh-dalam-parit | UTUSANBORNEO.COM.MY |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **MAYAT WARGA EMAS DIBAHAM BUAYA DITEMUI** | |
| | https://suarasarawak.my/mayat-warga-emas-dibaham-buaya-ditemui/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/15/dibaham-buaya-depan-isteri-mayat-warga-emas-ditemukan-hari-ini/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **POLIS SELAMATKAN 7 WANITA WARGA FILIPINA MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020404/polis-selamatkan-7-wanita-warga-filipina-mangsa-pemerdagangan-manusia | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165462/polis-selamatkan-7-wanita-warga-filipina-mangsa-pemerdagangan-manusia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PERKASA REMAJA WANITA, SEDIA HADAPI CABARAN GLOBAL** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71184-perkasa-remaja-wanita-sedia-hadapi-cabaran-global | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KAITAN KANSER PAYUDARA DENGAN MENOPAUS** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/10/1165236/kaitan-kanser-payudara-dengan-menopaus | BHARIAN.COM.MY |

16/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PPPM BANTU BINA DAYA TAHAN KANAK-KANAK PEREMPUAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629512/berita/nasional/pppm-bantu-bina-daya-tahan-kanak-kanak-perempuan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1165482/pppm-bantu-bina-daya-tahan-kanak-kanak-perempuan-hadapi-cabaran | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pppm-bantu-bina-daya-tahan-kanakkanak-perempuan-hadapi-cabaran-media-sosial-441949 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **BAYI LELAKI DIBUANG DALAM TANGKI PAM TANDAS HOSPITAL TAWAU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/15/bayi-lelaki-dibuang-dalam-tangki-pam-tandas-hospital-tawau/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/10/15/mayat-bayi-lelaki-ditemukan-dalam-tangki-pam-tandas-hospital-tawau/ | TVSTV.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIREMAN EMPAT HARI KES TINGGALKAN BAYI TEPI JALAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Tukang gunting rambut dibawa ke Kompleks Mahkamah Alor Setar, semalam.* (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

# Direman empat hari kes tinggalkan bayi tepi jalan

**Alor Setar:** Seorang lelaki direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes penemuan bayi perempuan yang baru dilahirkan di tepi jalan berhampiran ladang getah Kampung Datuk Syed Ahmad di Pendang, Jumaat lalu.

Perintah tahanan reman terhadap lelaki berusia 20-an itu, dikeluarkan oleh Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor di pejabat lokap mahkamah, semalam.

Terdahulu, lelaki yang bekerja sebagai tukang gunting rambut tiba di lokap mahkamah pada jam 8.41 pagi dengan menaiki kenderaan polis.

Media sebelum ini melaporkan penemuan seorang bayi perempuan bertali pusat dan uri di tepi jalan, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Pendang, Superintendan Arriz Sham Hamezah memaklumkan, pihaknya menerima maklumat penemuan bayi jam 7.05 petang.

Bayi itu dipercayai baru ditinggalkan di kawasan itu dengan dibalut kain batik serta tuala diletakkan dalam bakul.

Berikutan itu, polis menahan dua individu terdiri daripada seorang lelaki dan seorang wanita yang dipercayai ibu bayi berkenaan di Sik, kelmarin.

Sementara itu, Arriz Sham ketika dihubungi memaklumkan, ibu bayi berkenaan yang juga berusia 20-an, dibebaskan dengan jaminan polis kerana keadaan kesihatannya yang baru lepas bersalin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA BERANAK DITAHAN BANTU SIASATAN KES BUDAK MAUT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiga beranak ditahan bantu siasatan kes budak maut



*Jenazah mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Matang Gerdu, kelmarin.*
(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

## Kanak-kanak 2 tahun alami pendarahan di kepala akibat hentakan objek

**Ipoh:** Polis semalam menahan seorang duda dan ibu bapanya bagi membantu siasatan berhubung kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun dua bulan yang disyaki didera di Bagan Serai, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Bagan Serai, Superintendan Juna Yusoff, berkata lelaki berusia 26 tahun itu dipercayai mengambil mangsa dari rumahnya untuk dijaga sejak Selasa lalu, sebelum kanak-kanak berkenaan ditemukan tidak sedarkan diri oleh kedua-dua ibu bapa lelaki itu.

"Pada kira-kira jam 6 petang semalam (kelmarin), suami isteri warga emas berusia berusia 62 dan 57 tahun itu mendapati mangsa yang dijaga oleh anak mereka, tidak sedarkan diri dengan terdapat kecederaan pada mangsa dan membuat keputusan menghantar kanak-kanak itu ke klinik Bagan Serai.

"Bagaimanapun, mangsa didapati sudah meninggal dunia dengan kesan kecederaan dan melecur pada badan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Juna berkata, hasil bedah siasat didapati mangsa meninggal dunia kerana pendarahan di kepala akibat hentakan objek tumpul selain kecederaan di seluruh badan, kesan melecur akibat objek panas dan kesan kecederaan pada lubang dubur mangsa.

### Jenazah selamat dikebumi

Katanya, ketiga-tiga suspek kini disiasat mengikut Seksyen 302 kerana membunuh dan direman hingga hari ini.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Ambri Mat Nayan di talian 011-13092525 atau menghubungi Bilik Gerakan IPD Kerian di talian 05-7212222.

Jenazah kanak-kanak itu selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Matang Gerdu pada 5.20 petang kelmarin.

BERNAMA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'INGAT DAPAT KASIH SAYANG, TAPI BERAKHIR DENGAN TRAGIS' | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



LOKASI kejadian mangsa didera dan dibunuh.

BUDAK DUA TAHUN MAUT DISYAKI DIBUNUH TEMAN LELAKI IBU

# 'Ingat dapat kasih sayang, tapi berakhir dengan tragis'

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

**Bagan Serai**

"Dia beritahu jangan ganggu, anak saya mahu tidur dengan tenang," kata Siti Hasmiza Azizan, 38, ibu kepada Ayyash Aulian Muhammad Faizul, berusia dua tahun yang meninggal dunia disyaki dibunuh teman lelakinya di Taman Seri Permai Bagan Serai, Jumaat lalu.

Siti Hasmiza berkata anak ketujuhnya itu diambil teman lelakinya pada Selasa dan dibawa pulang ke rumah.

Menurutnya, mereka tinggal berjiran dan ia adalah kali ketiga lelaki itu berbuat demikian dengan tujuan mahu diasuh sementara.

"Sebelum ini dia ada mengambilnya namun memulangkan pada hari yang sama. Hari Selasa lalu dia datang ambil anak dan kata biarlah Ayyash Aulian dijaga olehnya.

"Namun pada keesokan hari (Rabu) saya menghubunginya bertanyakan keadaan anak dan dia kata anak suka tinggal di situ namun saya masih lagi dapat mendengar suara anak. Khamis lalu sekali lagi saya menghubunginya. Namun dia memarahi saya dan ketika ingin mendengar suara anak, dia memberitahu supaya tidak mengganggu kerana anak sedang tidur," katanya selepas ditemui selepas selesai menghadiri pengebumian anaknya di tanah Perkuburan Islam Matang Gerdu, kelmarin.

Siti Hasmiza berkata kata-kata teman lelakinya itu menimbulkan tanda tanya menyebabkan dia segera ke rumah itu untuk mengambil anak namun pintu pagar dan pintu utama rumahnya bertutup rapi.



JENAZAH Ayyash Aulian dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Matang Gerdu.

"Saya hubungi dia dengan memberi alasan bahawa ingin hantar dan beri makanan kepada anak. Namun dia memarahi saya dengan mengatakan anak sedang tidur dengan tenang dan jangan diganggu. Tidak lama selepas itu saya terima panggilan telefon darinya yang meminta untuk datang segera ke Klinik Bagan Serai. Sebaik tiba saya dapati anak diselimutkan dengan kain batik dan kaku tidak bernyawa," katanya.

Menurutnya, luluh dan hancur hatinya apabila melihat keadaan anak seolah-olah didera.

"Saya meletakkan kepercayaan kepadanya supaya anak mendapat kasih sayang seorang ayah namun apa yang dilakukannya amat menghancurkan jiwa dan sama sekali tidak menyangka anak berakhir dengan begitu tragis.

"Saya mahu dia dikenakan hukuman yang berat diatas apa yang dilakukan kepada Ayyash Aulian. Saya tidak akan memaafkannya sampai bila-bila," katanya.

Tambahnya lagi, dia mengenali dan berkawan dengan teman lelakinya sejak beberapa tahun lalu dan anaknya itu adalah hasil perkongsian hidup dengan suaminya yang ketiga.

Terdahulu, suami isteri dan anak lelakinya berusia 26 tahun ditahan polis berhubung kes kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia lebih dua tahun di sini yang mempunyai kesan lebam dan luka melecur di badannya.

Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Juna Yusoff berkata, penahanan itu susulan laporan dibuat Klinik Kesihatan (KK) Bagan Seri berhubung seorang kanak-kanak dihantar pasangan berusia 62 dan 57 tahun itu, 7 malam Jumaat lalu.

Menurutnya, hasil bedah siasat di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh mendapati kematian berpunca daripada pendarahan teruk di kepala akibat kesan hentakan benda tumpul dan luka melecur seluruh badan akibat benda panas serta terdapat kecederaan pada lubang dubur mangsa. Pasangan tersebut dan anaknya ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, tiga suspek yang ditahan bagi siasatan kematian Ayyash Aulian direman hingga 21 Oktober depan.

Juna ketika dihubungi berkata perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek itu diperoleh selepas di bawa ke Mahkamah Taiping di sini, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'NASIB ORANG TEGUR SAYA...' | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Nasib orang tegur saya...'

**Kuala Nerus:** Seorang guru wanita berdepan detik cemas apabila kenderaan pelbagai guna (MPV) dipandunya terbakar secara tiba-tiba di Kampung Pak Tuyu berhampiran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, semalam.

Dalam kejadian itu, mangsa Noraini Alias, 55, yang dalam perjalanan ke sekolah terselamat apabila sempat keluar dari Proton Exora berkenaan apabila dimaklumkan pengguna jalan raya lain.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Mizan Zainal Abidin, Batu Rakit itu berkata, dia keluar dari rumahnya di Kampung Tok Jembal, di sini, kira-kira 7.10 pagi sebelum Proton Exora dinaiki berasap lalu terbakar.

"Pada mulanya saya tidak menyedari kebakaran berlaku, namun mendapati pemandu lain memberi isyarat selepas melihat api pada kenderaan dipandu.

"Saya segera menghentikan kenderaan untuk melihat apa yang berlaku dan terkejut apabila mendapati api sudah marak di bahagian enjin," katanya yang ditemui di tempat kejadian, di sini.

Noraini berkata, dia bersyukur kerana bertindak cepat menghentikan MPV berusia 12 tahun berkenaan, selain bernasib baik tidak terperangkap di dalamnya.

Menurutnya, ketika kejadian dia sempat mengambil beg mengandungi komputer riba manakala beg duit mengandungi telefon bimbit tertinggal dalam kereta.

"Malam tadi (kelmarin) suami Alias Ngah, 58, dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) selepas mengadu sakit dada disyaki mengalami sakit jantung dan pagi ini kenderaan dipandu saya tiba-tiba pula terbakar," katanya.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Nerus berkata, pihaknya menerima panggilan kejadian itu jam 7.30 pagi.

Menurutnya, sebuah jentera membabitkan lapan anggota bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati sebuah MPV terbakar 70 peratus dan tiada kemalangan jiwa berlaku.



NORAINI (baju hijau) melihat keadaan kenderaan miliknya yang terbakar di Kampung Pak Tuyu, Kuala Nerus. - Gambar NSTP/FAIZUL AZLAN RAZAK

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BAYI DITEMUKAN DALAM TANGKI PAM TANDAS | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Mayat bayi ditemukan dalam tangki pam tandas

**Tawau:** Mayat seorang bayi lelaki masih bertali pusat dipercayai baru dilahirkan ditemukan di dalam tangki pam tandas di sebuah hospital di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, mayat bayi berkenaan dijumpai oleh pekerja pembersihan yang sedang membuat kerja pembersihan di dalam tandas awam wanita di wad kecemasan hospital itu pada jam 7.10 pagi.

"Saya mengesahkan pihak polis menerima satu laporan pada 8.09 pagi hari yang sama berhubung penemuan bayi lelaki meninggal dunia di dalam pam tandas hospital berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TASKA BEROPERASI HARAM | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**KEMATIAN QASEH AULIA**

# Taska beroperasi haram

**Kuala Lumpur**

"Saya rasa sedih dan terkilan kerana baru dua hari anak kami dijaga pengasuh di taska itu dan kini dia sudah tiada," kata Faizul Ali Adam, 33, yang juga bapa kepada Qaseh Aulia berusia dua bulan.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan bayi perempuan itu meninggal dunia di sebuah taska di Petaling Jaya pada Selasa lalu, selepas mengalami sesak nafas.

Faizul berkata, dia memilih taska itu untuk menjaga anak bongsu daripada dua beradik kerana pernah menghantar anak sulungnya pada 2019.

"Sebelum ini, saya hantar anak sulung, Sofea Madina, 5, di taska berkenaan yang hanya mengambil masa lima hingga 10 minit dari rumah kami sejak dia berusia enam bulan.

"Awal tahun ini, kami pindahkan dia ke taska lain. Sepanjang saya menghantar Sofea di sana, tidak pernah berlaku sebarang kejadian tidak diingini. Itu sebabnya saya juga menghantar Aulia di taska itu dengan bayaran RM550 sebulan," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, sebelum kejadian, isterinya, Maisarah Rosli, 33, dimaklumkan oleh pemilik taska bahawa terdapat 10 bayi berusia bawah satu tahun di bawah jagaan mereka dengan dijaga empat pengasuh.

"Namun, berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di taska itu mendapati hanya ada dua individu yang menjaga mereka.

"Apabila insiden ini (Aulia meninggal dunia semasa berada di taska), saya dimaklumkan oleh ibu bapa kanak-kanak yang lain ada kes kematian membabitkan bayi berusia lima bulan di taska itu pada 2019.

"Malah, ada juga ibu bapa memberitahu anak mereka kerap sakit apabila berada di bawah jagaan pengasuh di taska terbabit," katanya juga kakitangan swasta.

Menceritakan semula kejadian itu, Faizul berkata, isterinya yang baru habis berpantang pada Isnin lalu menghantar Aulia ke taska jam 7.30 pagi, 10 Oktober lalu.

"Saya kemudian dimaklumkan oleh pengasuh yang menemui Aulia dalam keadaan meniarap dengan wajah kebiruan jam 11.17 pagi. Pengasuh memaklumkan dia menghantar anak ke klinik berhampiran sebelum saya meminta dia menghantarnya ke hospital swasta berhampiran.

"Sebaik tiba di hospital berkenaan, saya dimaklumkan oleh doktor bahawa Aulia sudah tiada (meninggal dunia). Saya rasa ralat kerana sewaktu hantar dia ke taska itu, Aulia dalam keadaan sihat.

"Disebabkan itu, saya berhasrat untuk mengambil tindakan saman (sivil) terhadap pemilik taska kerana ada banyak kesalahan yang dilakukan," katanya.

Beliau difahamkan taska itu diarahkan tutup sementara oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula hari ini kerana tidak mempunyai lesen.

Menurutnya, jenazah Aulia selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9 Kota Damansara, Petaling Jaya pada Rabu lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid ketika dihubungi mengesahkan taska berkenaan tidak mempunyai lesen.

"Kami masih menunggu keputusan bedah siasat terhadap bayi berkenaan," katanya.



FAIZUL dan Maisarah bersama Aulia serta Sofea.



| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | WALAU MATA SUDAH TAK NAMPAK TAK MAHU TAGIH IHSAN ORANG RAMAI | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 16 OKT 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

BEKAS CEF SAKIT KRONIK GIGIH JUAL KUIH SEJUK BEKU

# Walau mata sudah tak nampak tak mahu tagih ihsan orang ramai

**Kuala Krai:** Seorang bekas cef sebuah hotel gigih mencari rezeki menyara keluarga biarpun menghidap penyakit kronik sejak tujuh tahun lalu.

Ghazali Osman, 50, yang menghidap penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi mengerah kudrat menjual kuih sejuk beku demi kelangsungan hidup.

Menurutnya, walaupun tenaga tidak sekuat dulu, selain mata kanannya tidak boleh melihat manakala mata kiri kabur akibat komplikasi kencing manis, ia bukan alasan meminta ihsan orang.

"Sesukar mana sekalipun saya tetap melakukan pekerjaan demi menyara keluarga kerana tidak mahu bergantung kepada saudara mara.

"Menjual lebih 20 jenis kuih sejuk beku dengan dibantu isteri, Roshasmida Che Ibrahim, 44, menjadi sumber pendapatan kami walaupun sekadar cukup makan," katanya.

Terdahulu, Cempaka Merah Asnaf Society diwakili Pengerusinya, Che Norhayati Mohamed mengunjungi keluarga berkenaan di Kampung Chuchoh Puteri, di sini.

Bapa lima anak itu berkata, walaupun harga barang terus meningkat, dia mengekalkan harga kuih sejuk beku kerana mahu air tangannya dinikmati ramai orang.

"Wang hasil jualan digunakan untuk perbelanjaan tiga anak bersekolah berusia sembilan hingga 16 tahun selain kos rawatan dan ulang alik setiap kali temujanji di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.





GHAZALI dan isterinya membuat dan menjual kuih sejuk beku demi menyara lima anak. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

"Walaupun pendapatan tidak menentu, saya bersyukur masih ada rezeki untuk kami," katanya.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) bernombor 0300541100072107 atas nama Ghazali Osman bagi meringankan beban keluarga ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3 HELD OVER DEATH OF BOY, 2 | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

INJURIES TO CHILD'S RECTUM

# 3 HELD OVER DEATH OF BOY, 2

## Child in the care of widower dies of severe injuries

**IPOH**

POLICE arrested a 26-year-old widower and his parents after a 2-year-old boy who was in their care died of severe injuries and burn marks in Bagan Serai on Friday.

Bagan Serai police chief Superintendent Juna Yusoff on Saturday said the victim, believed to be the child of a neighbour, was found unconscious by the widower's parents, who sent the child to a clinic in Bagan Serai.

"About 6pm, the parents of the widower found the victim, who was in the care of their son, unconscious with injuries and burn marks.

"The victim had died by the time they reached the clinic. The post-mortem showed the toddler had died of injuries to his head, caused by a blunt object.

"There were injuries over the body, plus burn marks caused by a hot object.

"There were also injuries to the child's rectum."

Juna said police had detained the widower's parents, aged 62 and 57, and would be remanded until today.

Those with information about the incident can contact the investigating officer Assistant Superintendent Ambri Mat Nayan at 01113092525 or contact the Kerian District Police Headquarters at 05-7212222. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CYCLIST, 62, DIES IN FALL FROM BIKE | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 16 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*The bicycle of the man who died in a fall at Jalan Ukay Perdana in Ampang Jaya, on Saturday.* PIC COURTESY OF THE SELANGOR FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

**HEAD INJURIES SUSTAINED**

# Cyclist, 62, dies in fall from bike

**AMPANG JAYA:** A 62-year-old cyclist died after falling off his bicycle when descending a hilly area in Jalan Ukay Perdana here, on Saturday.

Ampang Jaya district police chief Assistant Commissioner Mohd Azam Ismail said the victim was believed to have been cycling alone in the 2pm incident.

"Initial investigations revealed the accident occurred as the local man was travelling from Ukay Perdana towards Kampung Pasir.

"He lost control of his bicycle while descending a slightly hilly road, which resulted in him falling from the bicycle.

"The victim, who was riding alone then, suffered head injuries and was pronounced dead at the scene by medical officers from the Ampang Hospital," Azam said in a statement.

The case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

